

29/12/1998

Malaysia, Singapura berunding Januari

KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia dan Singapura akan memulakan perbincangan awal berhubung pakej perundingan dua hala menyentuh pelbagai isu selepas cuti Hari Raya bulan depan.

Perbincangan itu akan menyentuh bekalan air yang akan dihubungkan dengan isu pusat pemeriksaan kastam, imigresen dan kuarantin (KIK) Tanjung Pagar di Singapura.

Setiausaha Rendah Bagi Asia Tenggara dan Pasifik Kementerian Luar, Mohd Arshad Hussin, berkata dengan memasukkan isu KIK Tanjung Pagar dan masalah bekalan air sebagai satu pakej, Malaysia berada dalam keadaan yang lebih kukuh apabila berhadapan dengan negara jiran itu.

"Mesyuarat pertama akan diadakan selepas Aidilfitri ini tetapi tarikh sebenar masih belum ditetapkan," katanya ketika dihubungi.

Dua minggu lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan Malaysia memutuskan untuk tidak menerima tawaran pinjaman AS\$4 bilion daripada Singapura sebagai penyelesaian kepada isu bekalan air, sebaliknya mengaitkan isu air dengan KIK Tanjung Pagar.

Mohd Arshad berkata, semua persoalan berhubung pusat pemeriksaan KIK Tanjung Pagar kini seharusnya dilihat sebagai sebahagian pakej terbabit dan bukan secara individu.

Selain isu bekalan air dan KIK, isu lain yang turut dimasukkan ke dalam pakej terbabit ialah permohonan Singapura untuk membenarkan penggunaan ruang udara Malaysia bagi kegunaan ketenteraan, pengeluaran wang Kumpulan Wang Pusat (CPF) Singapura oleh rakyat Malaysia dan keputusan tidak membenarkan saham Malaysia diperdagang di Singapura.

(END)